



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. TAN SRI DR ALI BIN HANSA**

**KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
MERANGKAP PENASIHAT PUSPANITA  
DI MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN  
TAHUNAN PUSPANITA KE 2**

**PADA 21 OKTOBER, 2014 (SELASA); JAM  
11.00 PAGI**

**BERTEMPAT DI PUSPANITAPURI,  
PUTRAJAYA PRESINT 10**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum  
warahmatullahiwabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Yang Berbahagia Puan Sri Datuk Rohani  
Abdullah, Yang DiPertua PUSPANITA,

Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha  
Kementerian dan Ketua-ketua Pengarah  
Jabatan,

Yang Berusaha Ahli-ahli Majlis Tertinggi  
PUSPANITA dan Ahli-ahli Jawatankuasa  
Tertinggi PUSPANITA,

Yang Berusaha Ahli-ahli Jawatankuasa  
Pengelola Persidangan Tahunan  
PUSPANITA Ke-2 dan Pameran,

Distinguished spouses of Hon. Ministers and delegates from the Commonwealth Countries,

YBhg Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan, Puan-puan para hadirin sekalian.

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Persidangan Tahunan PUSPANITA Kali Ke 2 yang bertemakan, **“MEMPERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN: JARINGAN STRATEGIK ANTARA AWAM, SWASTA DAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN.**

2. Sukacita saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada PUSPANITA Kebangsaan di atas kejayaan menganjurkan Persidangan Tahunan kali ini, serta telah berjaya menjalankan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2014.

3. Saya mengucapkan Selamat Datang dan mengalu-alukan kehadiran para tetamu dan peserta persidangan ke Majlis ini. *I would also like to welcome the spouses of the Hon. Ministers and delegates of the Commonwealth Countries to this conference. Thank you very much for taking time in gracing this occasion. Your presence here means a lot to us, for it symbolises the close ties that bind us across the Commonwealth. I hope you will bear with me as the major part*

*of my speech will be delivered in our national language.*

**PUSPANITA Mendokong Agenda Transformasi Nasional**

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kepentingan peranan dan sumbangan PUSPANITA kepada pembangunan negara telah lama diiktiraf oleh Kerajaan. Ahli-ahli PUSPANITA yang terdiri daripada penjawat awam wanita serta isteri penjawat awam, merupakan pemangkin kejayaan agenda transformasi nasional. Malah mereka adalah rakan Perkhidmatan Awam yang berupaya membantu Kerajaan dalam usaha meningkatkan kesedaran rakyat terhadap

dasar-dasar, program dan projek bantuan Kerajaan di peringkat akar umbi.

**5. Berpaksikan kepada Agenda Transformasi Nasional dan usaha Merakyatkan Perkhidmatan Awam, PUSPANITA juga perlu bertindak memperkasakan ahli-ahlinya.** Untuk berjaya, ahli-ahli PUSPANITA digalakkan untuk menimba ilmu dan memperluaskan pengetahuan, menggilap potensi dan bakat serta meningkatkan daya kepimpinan. Dalam hubungan ini, saya mengucapkan syabas kepada PUSPANITA yang telah mengambil pelbagai inisiatif dan tidak jemu-jemu berusaha melaksanakan program-program yang sesuai untuk tujuan tersebut. Ini termasuklah penganjuran kursus, seminar, ceramah, lawatan sambil belajar

yang saya percaya telah dapat memberikan pendedahan dan meningkatkan pengetahuan ahli-ahli dalam pelbagai bidang. **Saya berasa bangga dengan pencapaian PUSPANITA daripada segi pendekatan yang diambil untuk memperkasakan ahli-ahli PUSPANITA. Ini dapat dilihat sejak tahun 2012 dimana pendekatan bersifat ilmiah dan bersifat inklusif diterapkan dalam semua aktiviti-aktiviti dijalankan. Pada tahun 2013, pendekatan ini dikembangkan untuk meliputi aktiviti-aktiviti bersasarkan kepada kebajikan ahli-ahli dan anggota masyarakat. Dan pada tahun ini pula, unsur keusahawanan turut dijadikan teras dalam aktiviti-aktiviti PUSPANITA.**

## Perpaduan PUSPANITA Tunjang Kelestarian Pembangunan Negara

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Kejayaan sesebuah organisasi banyak bergantung kepada *espirit de corps* dan semangat kekitaan serta amalan nilai-nilai murni. Moto PUSPANITA “**Wanita Sepakat, Negara Meningkatkan**” hendaklah menjadi pegangan kesemua ahli kerana ia adalah cerminan kekuatan dan menjadi tunjang perpaduan ahli-ahli. Bagi mencapai aspirasi ini, hubungan silaturrahim dan muafakat antara ahli perlu diperkukuhkan. Ini amat penting dalam memupuk dan membentuk sebuah pasukan yang mantap dan bersatu-padu. Justeru, sebagai satu kumpulan wanita yang berpengaruh dan penting, **PUSPANITA boleh menyumbang ke arah**



menjayakan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

**Peranan PUSPANITA Pada Tahun MyNGO 2015 Berlatarkan Strategi Pembangunan Nasional (MyNDS)**

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abd Razak telah memaklumkan bahawa **tahun 2015 dikenali sebagai tahun pemerkasaan NGO dan kesukarelawan atau MyNGO 2015**. Geran sebanyak RM50 juta disediakan untuk NGO menjalankan program pembangunan komuniti, perpaduan, kebajikan masyarakat, kepenggunaan, kesihatan dan keselamatan. Saya menyeru agar PUSPANITA mengambil peluang keemasan ini untuk mengambil

bahagian secara aktif melalui program-program yang dirancang secara strategik.

8. PUSPANITA juga digesa untuk memainkan peranan dan bergiat cergas dalam melaksanakan **Strategi Pembangunan Nasional** melalui Rancangan Malaysia ke-11 yang bakal diumumkan pada pertengahan tahun 2015. Dalam hubungan ini, ahli-ahli PUSPANITA harus membuat perancangan yang rapi bagi mendapatkan mendapatkan dana untuk membiayai program-program PUSPANITA **di bawah Strategi Pembangunan Nasional** ini. Sebagai Penasihat PUSPANITA, saya berpandangan ada **3 perkara utama** yang boleh disumbangkan oleh PUSPANITA.

9. **Pertama** ialah dengan mendaya upaya bakat **ahli-ahli PUSPANITA** yang terdiri daripada penjawat awam untuk meningkatkan ilmu dan keunggulan peribadi. Ini akan membolehkan **potensi mereka digilap dan dioptimumkan** bagi tujuan memenuhi jawatan-jawatan penting dan **strategik dalam perkhidmatan awam**. PUSPANITA boleh mengadakan **program secara usahasama** dengan institusi-institusi latihan dan pengajian tinggi seperti INTAN, Razak School of Government dan universiti-universiti tempatan untuk **menggubal program latihan kepimpinan dan pengurusan khusus untuk wanita**. **Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam** boleh membantu dalam aspek ini.

10. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memperkenalkan akronim **I-FAME**, iaitu kompetensi-kompetensi yang diperlukan dalam diri pegawai di peringkat pengurusan tinggi sesuatu organisasi, termasuklah di PUSPANITA.

11. **'I'** iaitu ***ability to influence***, membawa maksud keupayaan untuk mempengaruhi kumpulan sasar atau *stakeholders*. Dalam memastikan sokongan rakyat terhadap dasar yang digubal atau menarik penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti PUSPANITA yang dirancang, kita memerlukan kemahiran untuk mempengaruhi dan meyakinkan mereka. **'F'** pula merujuk kepada ***finesse***. Sebagai ahli PUSPANITA, kita perlu berupaya memikul tanggungjawab dan peranan di peringkat pengurusan tertinggi

berbekalkan **gabungan kemahiran dan kebijaksanaan dalam menangani sesuatu keadaan atau isu dengan mengambil kira pelbagai implikasi kepada Kerajaan.** **‘A’** bermaksud *creative and analytical thinking*. Di sebalik kekangan yang dihadapi sama ada dalam bentuk sumber manusia atau kewangan, kita perlu mencari jalan penyelesaian secara kreatif. **‘M’** pula ialah *ability to motivate* iaitu merujuk kepada keupayaan kita untuk memotivasikan dan memberikan inspirasi kepada pegawai-pegawai atau ahli pasukan di bawah tanggungjawab kita demi mencapai objektif yang ditetapkan. **‘E’** pula membawa maksud *to empower* . Sebagai ketua, kita perlu berkongsi maklumat, ganjaran dan memberikan kepercayaan kepada pegawai bawahan serta kumpulan pelaksana untuk

mengambil inisiatif dalam menyelesaikan sesuatu isu dan mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

12. **Keduanya**, mengambil peluang daripada tahun MyNGO 2015 untuk mengadakan **lebih banyak usahasama dengan NGO-NGO** lain seperti 1M4U dan MyCorp untuk memperlengkapkan usaha Kerajaan memperkasakan NGO. Jalinan usahasama di antara PUSPANITA dan NGO boleh **diperlengkapkan dengan jaringan strategik pihak swasta** seiring dengan tema persidangan kali ini. Selain daripada berkongsi sumber, ahli-ahli PUSPANITA boleh mempelajari dan **berkongsi amalan-amalan terbaik atau *best practices*** yang bukan sahaja berguna untuk PUSPANITA malah menyumbang kepada pembangunan

diri ahli masing-masing.

13. **Perkara ketiga**, ialah membantu Kerajaan untuk **meningkatkan kesedaran rakyat dan menangkis persepsi-persepsi negatif terhadap dasar Kerajaan seperti GST** yang akan mula dilaksanakan pada 1 April 2015. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan **lebih banyak program turun padang bersama rakyat** serta **melibatkan agensi-agensi Kerajaan** untuk turut memberikan penerangan dan penjelasan mengenai dasar-dasar Kerajaan. Dalam aspek ini, saya ingin menyarankan supaya **ketua-ketua setiausaha kementerian dan ketua-ketua jabatan menjemput PUSPANITA ke program-program turun padang** di mana PUSPANITA boleh memperlengkapkan usaha kementerian dan

jabatan mencapai objektif program-program tersebut.

14. Mengulas mengenai ketiga-tiga perkara yang PUSPANITA boleh memberikan sumbangan, sewajarnya **PUSPANITA di setiap negeri dan cawangan menyediakan pelan strategik masing-masing** berdasarkan kepada garis panduan di peringkat kebangsaan. Saya juga ingin menyeru agar 38 Cawangan yang diketuai oleh isteri kepada Ketua-Ketua Setiausaha / Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri / Ketua-Ketua Pengarah Cawangan yang secara keseluruhannya mempunyai lebih daripada 100,000 ahli PUSPANITA untuk bersifat lebih inklusif. Cawangan-cawangan di semua peringkat hendaklah berkolaborasi secara aktif dengan



PUSPANITA Kebangsaan dan tidak terhad di peringkat cawangan sahaja.

15. Saya juga berharap Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dapat meningkatkan penerbitan buku-buku berkaitan dasar-dasar awam untuk dimanfaatkan juga oleh ahli-ahli PUSPANITA. Kementerian-Kementerian juga digalakkan untuk melibatkan PUSPANITA sebagai rakan di bawah Program NBOS.

16. Sehubungan itu, dalam melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang, saya menyeru kepada ahli PUSPANITA agar turut **'Merakyatkan PUSPANITA'** dengan mengutamakan keperluan rakyat. Sekiranya ahli PUSPANITA tidak melunaskan aktiviti berasaskan prinsip-prinsip produktiviti tinggi, cepat dan tepat, serta dengan inovatif dan

penuh integriti, maka tiadalah manfaat yang dapat disampaikan. Justeru, PUSPANITA juga perlu berusaha memperbaiki dan meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan, dengan menekankan kepada aspek peningkatan pengetahuan secara berterusan serta hubungan kemanusiaan dan keprihatinan. Insya-Allah, visi dan misi PUSPANITA akan dapat dicapai dengan jayanya sejajar dengan visi dan misi pembangunan negara dan perkhidmatan awam.

**Imej dan Kesedaran Peranan PUSPANITA  
Dikalangan Peserta Persidangan  
Dwitahunan Pertubuhan Komanwel bagi  
Pentadbiran Awam dan Pengurusan 2014  
(CAPAM).**

*Distinguished guests, ladies and gentlemen,*

17. *I am pleased to inform that Malaysia is honoured to be given the opportunity to host the Commonwealth Association for Public Administration and Management or CAPAM Biennial Conference 2014 which is currently being held in Putrajaya International Convention Centre (PICC). CAPAM 2014 provides a platform for sharing and exchanging best practices in public service transformation among Commonwealth countries. I am proud that the role and contribution of women in national development is one of the main agenda of CAPAM 2014. This is consistent with the objectives of The Commonwealth Plan of Action for Gender Equality to achieve a target of no less than 30 percent of women in*

*decision-making positions in the political, public and private sectors by 2015.*

18. *The Commonwealth still faces a steep challenge in reaching this target. While Malaysia has also faced similar challenges, I am pleased to inform you that we have exceeded this target in the public sector. The percentage of women in decision-making positions within the public sector which was only 18.8 percent in 2004, had risen to 30.5 percent in 2009. By 2013, this figure had increased to 33.7 percent.*

19. *Given that in 2013, 62 percent of civil servants at the management and professional level were women, I am confident that this achievement will pave the way for them to climb the career ladder to higher leadership positions.*

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan **syabas dan tahniah kerana persidangan PUSPANITA kali kedua ini telah mendapat sambutan dan dijadikan salah satu program isteri peserta persidangan CAPAM** yang mana penyertaan mereka bukan sahaja menjadikan persidangan ini lebih bermakna tetapi juga memberi nilai tambah dalam usaha menjalinkan hubungan sesama penjawat awam negara-negara Komanwel. Justeru, saya yakin persidangan ini akan dapat **mempertingkatkan imej dan kesedaran mengenai peranan PUSPANITA** secara khususnya dan negara Malaysia secara amnya di kalangan isteri-isteri dan juga peserta-peserta CAPAM.

## **Pusat Pemeriksaan Kesehatan** **PUSPANITA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

21. Sesungguhnya apabila kita meniti perkembangan PUSPANITA, kita merasa bangga dengan kemajuan yang telah dicapai sehingga kini. Terbaharu, Pusat Pemeriksaan Kesehatan Wanita PUSPANITA di Puspanitapuri Putrajaya yang telah dirasmikan pada 9 April 2014, merupakan satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*, NBOS) yang melibatkan jalinan kerjasama dan kolaborasi di antara PUSPANITA, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Syabas dan tahniah diucapkan. Saya difahamkan bahawa **PUSPANITA telah bersetuju**

**menyediakan ruang untuk dijadikan klinik dengan kos sewaan yang minimum** sementara pihak Kementerian Kesihatan Malaysia pula akan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkaitan.

### **Penutup**

Hadirin yang dihormati sekalian,

22. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sukacita saya memaklumkan beberapa pengumuman seperti berikut:

- a. PUSPANITA kini menawarkan hanya RM2.00 untuk kad keahlian PUSPANITA seumur hidup daripada yuran pendaftaran iaitu RM100.00;
- b. Ahli seumur hidup PUSPANITA bakal

menikmati Kad Skuad Pengguna secara percuma. Kad ini membuka peluang kepada ahli PUSPANITA untuk mendapat diskaun 2% hingga 35% bagi barangan dan perkhidmatan dari 260 buah syarikat;

- c. Ahli seumur hidup PUSPANITA juga bakal menerima kad GOM-MAS dengan 2,000 mata ganjaran percuma berserta diskaun di merchant / vendors terpilih; manakala
- d. isteri penjawat awam akan menerima Kad Enrich Blue dengan 2,000 mata ganjaran percuma berserta diskaun di vendor terpilih. Promosi Malaysia Airlines ini dibuka mulai 21 – 27 Oktober 2014.



23. Usaha ini adalah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy, NBOS) yang melibatkan jalinan kerjasama dan kolaborasi di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan juga dengan pelbagai sektor swasta.

24. Mudah-mudahan dengan keistimewaan ini, lebih ramai di kalangan penjawat awam wanita dan suri kepada penjawat awam akan mendaftar untuk menjadi ahli PUSPANITA dan seterusnya memainkan peranan penting sebagai penggerak dan pelengkap Kerajaan dalam Merakyatkan Perkhidmatan Awam.

25. Saya ingin mengambil kesempatan ini

untuk sekali lagi mengucapkan terima kasih dan berharap persidangan PUSPANITA ke-2 2014 ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para ahli dalam meningkatkan kecemerlangan PUSPANITA. Akhir kata, saya ucapkan Selamat Maju Jaya kepada seluruh anggota PUSPANITA semoga bertambah maju dan mencipta kejayaan demi kejayaan pada masa hadapan.

26. Dengan lafaz Bismillahhir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Tahunan PUSPANITA kali ke-2, 2014.

Sekian,Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum                      Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

This page is intentionally left blank